

Spiritualiti dan Kesejahteraan Insan: Motivasi Pencapaian Usahawan Berjaya di Kelantan

Mohd Zain bin Mubarak, Ph.D
Universiti Malaysia Kelantan

ABSTRAK. Spiritualiti atau kerohanian antara lain merujuk kepada aplikasi paradigma tauhid dalam mewujudkan jalinan harmonis antara urusan dunia dan akhirat. Ia merupakan aspek penting dalam membina kekuatan ummah berpaksikan keyakinan terhadap kekuasaan Allah SWT terhadap segenap aspek kehidupan termasuklah dalam aktiviti keusahawanan. Namun tidak banyak kajian yang meneliti kepentingan aspek spiritual secara mendalam khususnya terhadap usahawan berjaya. Justeru, kajian ini menerokai aspek spiritual dengan mengenalpasti apakah ciri-ciri berkaitan dan kepentingannya dari sudut motivasi dan pencapaian yang membawa kepada kejayaan dalam keusahawanan. Melalui kaedah temubual mendalam (in-depth interview) dan analisis tema yang dilakukan, hasil kajian mendapati ciri-ciri spiritual mempengaruhi motivasi usahawan membina keyakinan dan ketahanan diri, berpegang kepada prinsip akhlak dan turut membantu kepada aspek pengurusan yang lebih cekap dan bertanggungjawab. Kajian juga mendapati unsur spiritual amat penting bagi usahawan menghadapi cabaran serta masalah yang dihadapi berasaskan kekuatan spiritual melalui hubungan jiwanya dengan Allah SWT. Begitu juga dengan aspek keberkatan yang menjadi inspirasi ketuhanan yang mencorak setiap amalan rutin mereka dalam kegiatan keusahawanan sehingga membawa kepada kejayaan dalam perusahaan yang diceburi.

Pengenalan

Perbincangan mengenai spiritual (spirituality) telah mendapat tempat dan popular dalam kajian barat antaranya seperti mengaitkannya dengan tempat kerja (Fornaciari, 2004 dan Kale & Shrivastava, 2003), keusahawanan (Jackson & Konz, 2006) kepimpinan (Fry, 2003) dan keagamaan (Saroglou & Garcia, 2008). Kajian-kajian ini melihat kedudukan dan peranan spiritual menurut perspektif barat dalam mempertingkatkan aspek pengurusan dan juga aspek kemanusiaan seperti kepuasan bekerja, kreativiti, produktiviti dan juga motivasi. Dalam konteks Islam, spiritual atau kerohanian adalah kesedaran tauhid terhadap Allah SWT untuk seseorang itu hidup mengikut kehendak dan arahanNya (Nasr, 1987).

Elemen spiritual berkait rapat dengan Islam kerana segala aspek kehidupan seseorang Muslim bergantung kepadanya memandangkan tujuan penciptaan manusia ialah untuk beribadat kepada Allah SWT. Lantaran itu dalam Islam tidak ada pemisah antara aspek keduniaan dan kerohanian kerana keyakinan dan ketaatan terhadap Allah SWT berlaku dalam semua dimensi kehidupan. Falsafah keusahawanan Islam berpandukan kepada falsafah ekonomi itu sendiri yang mana perniagaan adalah berasaskan kepada Rabbani atau bercirikan ketuhanan (al-Qaradhawi, 2001) sekaligus mewujudkan hubungan atau pengaruh spiritual dalam kegiatan keusahawanan.

Menurut Hamka (1987), sesiapa yang bermodalkan iman dan amal salih pasti mendapat ganjaran berlipat kali ganda dan jika sebaliknya akan menyesal dan mendapat kerugian yang besar. Ini bermakna dalam konteks usahawan, keimanan dan ketakwaan ini membolehkan mereka mencorak pemikiran dan tindakan dalam aktiviti perekonomian berasaskan kepada konsep pengabdian dan untuk mendapatkan keredaan daripada Allah SWT. Ia merangkumi pembentukan akhlak yang mulia dalam diri usahawan dan menjalankan urusan perniagaan yang adil dan amanah kerana mereka yakin akan peringatn serta ganjaran yang dijanjikan oleh Allah SWT di akhirat kelak.

Lantaran itu bagi Hamka (1987), hubungan dengan Allah SWT melalui asas keimanan ini menjadikan seseorang itu sanggup menghadapi segala kesulitan dan yakin mereka akan diberi jalan penyelesaian olehNya. Keimanan juga menyebabkan mereka akan berusaha mencari kebaikan di dunia dan yakin bahawa apa jua balasan dan ketentuan Allah SWT adalah terbaik untuk mereka. Justeru, segala usaha dan cabaran yang dihadapi akan dipermudahkan atau dibantu oleh Allah SWT daripada pelbagai sudut yang mungkin tidak dapat difikirkan oleh akal manusia sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Talāq ayat 2 dan 3;

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ تَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ﴿٦٦﴾ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ۚ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ ۚ إِنَّ اللَّهَ بَلِغٌ أَمْرِهِ ۗ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا ﴿٦٧﴾

“Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya), serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya”

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT menjanjikan bahawa orang yang beriman dan yakin dengan kekuasaanNya akan diselamatkan daripada kepayahan dan kesempitan yang dialaminya di dunia dan di akhirat (al-Tabarī, 2001 & Ibnu Kathīr, 2006). Selain itu, tugas yang sukar akan dilihat mudah dan mampu dilalui oleh mereka yang percaya terhadap ganjaran yang lebih besar dalam kehidupan akhirat berbanding dengan ganjaran duniawi (Ahmad, 2011). Begitu juga sewaktu berdepan dengan kesukaran dan kesusahan yang biasa dialami oleh peniaga, aspek spiritual membantu dalam mengekalkan keyakinan diri dan jaminan (Ali, 2005) bahawa segala yang dihadapi mempunyai hikmah dan kebaikan sama ada dalam bentuk kejayaan mahu pun sebaliknya. Justeru, aspek keimanan adalah perkara paling penting kerana ia menjadi asas kepada lahirnya nilai dan sikap positif usahawan membentuk jati diri dan motivasi untuk berusaha mencapai kejayaan.

Kajian ini memfokuskan kepentingan aspek spiritual terhadap kejayaan usahawan. Spiritualiti dalam konteks kajian ini merujuk kepada ciri-ciri dalaman berasaskan keimanan kepada Allah SWT yang membentuk sikap dan amalan tertentu khususnya dalam konteks keusahawanan.

Sorotan Literatur

Spiritual atau kerohanian iaitu perihal rohani, sifat-sifat rohani dan rohaniah (Kamus Dewan 2010) berasal daripada perkataan *roh* dalam bahasa Arab antara lain merujuk kepada sesuatu yang dihembus oleh Allah SWT ke dalam badan manusia seperti yang disebut dalam surah al-Hijr ayat 28-29 yang bermaksud;

“Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya. Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh dari (ciptaan) Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadaNya”.

Ayat ini menerangkan hakikat kejadian manusia daripada unsur jasmani (unsur tanah) dan rohani (tiupan Ilahi) yang mengangkat martabat manusia ke tahap mulia yang menghubungkannya dengan Allah dalam memenuhi fitrah kejadian dan keperluan sistem hidup menurut ketetapanNya (Qutb, 2000). Akar umbi kerohanian yang juga disebut sebagai spiritualiti adalah keimanan yang diterjemahkan dalam bentuk amal ibadat seperti solat, puasa, zakat dan haji (Nasr, 1987) beserta dengan ilmu pengetahuan dan kepatuhan yang diamalkan di dalam kehidupan selari dengan tuntutan syarak (al-Harran, 2004). Justeru, spiritualiti dalam Islam mampu menghasilkan Muslim yang baik, mentaati Allah SWT, menjadi manusia yang berguna kepada masyarakat melalui kebaikan yang dilakukannya (Hawa, 2004). Spiritualiti juga merujuk kepada aplikasi paradigma tauhid yang mewujudkan hubungan yang harmoni di antara dunia dan akhirat dalam konteks perniagaan (Beekun, 1997). Keusahawanan dalam konteks Islam merupakan suatu ibadah dalam memenuhi keperluan hidup yang seimbang dari sudut duniawi dan ukhrawi. Firman Allah SWT dalam surah al-Qasas ayat 77 yang bermaksud;

“Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi;

Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerusakan “.

Selain kepentingan keusahawanan dalam memenuhi kemaslahatan hidup, usahawan yang jujur dan amanah dalam perniagaan mereka pula mempunyai kedudukan yang mulia di sisi Allah SWT berdasarkan hadith Rasulullah SAW (Abi Isā, 1999);

التَّاجِرُ الصَّدُوقُ الْأَمِينُ مَعَ النَّبِيِّينَ وَالصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ

*“Peniaga yang jujur dan amanah akan bersama nabi-nabi, para siddiqin dan para syuhada”
(Riwayat Tirmidzi)*

Islam melihat usahawan Muslim sebagai individu yang mengambil tanggungjawab untuk memenuhi keperluan masyarakat dengan mengharap akan memperoleh dua keuntungan iaitu di dunia dan di akhirat (Ab. Aziz, 2010). Konsep usahawan Islam menekankan integrasi dengan unsur-unsur kerohanian kerana Islam pada hakikatnya berfungsi secara menyeluruh dalam setiap pekerjaan atau gaya hidup (Che Zar-rina & Solahuddin, 2011) dalam memenuhi tuntutan sebagai khalifah di muka bumi. Justeru, usahawan Muslim tidak sepatutnya melihat keusahawanan dalam konteks material, fizikal dan akal manusia sahaja tanpa melihat kepada aspek spiritual atau ketuhanan (Muhammad, 1999) yang menunjangi kerangka pelaksanaan malah motivasi keusahawanan Islam itu sendiri. Firman Allah SWT dalam surah al-Talaq ayat 2-3 yang bermaksud;

“...dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya),serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. dan (ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendakiNya. Allah telah pun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu”.

Ayat ini merupakan nas umum bertujuan mewujudkan persepsi keimanan yang betul dalam hati manusia berhubung dengan kehendak dan perencanaan Allah SWT (Quib, 2000). Keimanan sebagai salah satu sumber motivasi dalam Islam (Zulkarnain & Isa, 2011) dan konsep motivasi dalam Islam yang dilihat sebagai semangat yang dicetuskan oleh perintah dan berpusatkan ketuhanan (Khaliq, 2011) memberi kekuatan atau keyakinan terhadap pertolongan Allah SWT dalam semua aspek kehidupan termasuk kegiatan keusahawanan. Penghayatan konsep tawakkal pula meningkatkan daya usaha, mengawal jiwa dan nafsu manusia agar bersikap syukur, qana'ah (mencukupi) dalam mengejar kebendaan serta sentiasa mengingati kekuasaan dan ketentuan Allah SWT melebihi segalanya. Malah kualiti dan prestasi yang cemerlang dalam apa jua pekerjaan diberi penekanan oleh Islam (Jabnoun, 1994) melalui sumber wahyu antaranya hadith Rasulullah SAW (al-Suyuti, 2000);

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ إِذَا عَمَلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتَّقَنَهُ

“Sesungguhnya Allah mencintai seseorang yang apabila ia mengerjakan sesuatu pekerjaan, ia melaksanakannya dengan bersungguh-sungguh” (Riwayat al-Baihaqi)

Sementara itu terdapat kajian yang mendapati dimensi spiritualiti dalam keusahawanan adalah seperti Kepercayaan, Ibadah, Taubat (Mohsen, 2007; Kamil, 2011 dan Zulkarnain & Isa, 2011) Tawakkal, Qana'ah, Ikhlas, Sabar, Zikir, Risalah dan Akhirat (Zulkarnain & Isa, 2011). Manakala Ilhaamie & Yazilawati (2012) dalam kajiannya mendapati wujudnya hubungan signifikan antara ketaqwaan dan kepimpinan Islam dengan kejayaan atau pencapaian usahawan Muslim dalam keusahawanan. Bagi memperoleh gambaran yang lebih mendalam, kajian ini meneroka apakah ciri-ciri dan amalan spiritualiti serta kepentingannya terhadap kejayaan usahawan Muslim pelbagai sektor dan tahap perusahaan di negeri Kelantan.

Metodologi

Kajian ini dilakukan ke atas 10 orang usahawan berjaya terpilih di Kelantan mewakili perusahaan mikro, kecil, sederhana dan besar dalam dua sektor utama iaitu perkilangan/pembuatan dan juga perkhidmatan. Kedua-dua sektor ini dipilih kerana ia merupakan sektor popular yang diceburi para usahawan. Asas definisi usahawan dalam kajian ini ialah mereka yang mengasas dan membangunkan syarikat dari awal sehingga berkembang maju mengikut tahap masing-masing. Kriteria usahawan berjaya dari sudut pemilihan informan adalah berdasarkan kepada kelangsungan perniagaan tidak kurang daripada 10 tahun, peningkatan jualan dan perkembangan perniagaan, bilangan pekerja, reputasi syarikat di mata masyarakat dan agensi berkaitan keusahawanan.

Pengumpulan data bermula Januari 2013 sehingga September 2013 melalui temubual mendalam (in-depth interview) berdasarkan protokol temubual berkaitan latar belakang diri dan perniagaan, cabaran dan masalah serta amalan atau pendekatan yang membawa kepada kejayaan perniagaan. Proses ini melibatkan tujuh langkah seperti mana disebut oleh Kvale (1996) iaitu thematizing (skop tema yang ingin diperolehi), designing (soalan dalam protokol temubual dan nota catatan), interviewing (proses temubual), transcribing (transkrip temubual dalam teks verbatim), analyzing (membaca transkrip dan mengenalpasti tema), verifying (mengesahkan kredibiliti data) dan reporting (menulis laporan).


Jadual I
 Taburan profil informan

Profil Diri	In1	In2	In3	In4	In5	In6	In7	In8	In9	In10
<i>Jantina</i>										
Lelaki			X	X	X	X	X	X	X	X
Perempuan	X	X								
<i>Umur</i>										
35 - 44 tahun			X		X	X	X			X
45 - 54 tahun	X	X		X						
55 - 64 tahun								X	X	
<i>Pendidikan tertinggi</i>										
SRP								X	X	
SPM	X	X								X
Diploma							X			
Sarjana Muda				X	X	X				
Sarjana			X							
<i>Kategori</i>										
Mikro	X	X								
Kecil				X						
Sederhana			X			X		X		X
Besar					X		X		X	
<i>Jenis/Sektor</i>										
Perkilangan / pembuatan	X	X	X	X				X		
Perkhidmatan					X	X	X		X	X
<i>Pengalaman</i>										
10 - 15 tahun	X	X	X		X					X
16 - 20 tahun				X		X	X		X	
> 45 tahun								X		
<i>Jum. Pekerja</i>										
5	X	X								
20 - 50			X	X	X					X
51 - 70						X		X		
200 - 250							X		X	

Dapatan dan Perbincangan

Profil informan

Informan kajian seramai 10 orang di mana lapan daripadanya adalah lelaki dan dua perempuan. Mereka terdiri daripada pelbagai peringkat umur yang dikategorikan kepada tiga kumpulan iaitu 35-44 tahun, 45-54 tahun dan 55-64 tahun. Majoriti informan adalah terdiri daripada kumpulan 35-44 tahun iaitu seramai lima orang (50%), diikuti dengan kumpulan 45-54 tahun seramai tiga orang (30%) dan kumpulan 55-64 tahun seramai dua orang (20%). Kesemua informan mempunyai pengalaman dalam perusahaan yang diceburi tidak kurang daripada 10 tahun. Data yang diperolehi menunjukkan majoriti informan iaitu lima orang mempunyai pengalaman antara 10-15 tahun, empat orang pula berpengalaman antara 16-20 tahun dan seorang mempunyai pengalaman selama 45 tahun. Sementara itu dari segi kategori perniagaan, dua orang dalam perusahaan mikro, seorang dalam perusahaan kecil, empat dalam perusahaan sederhana dan tiga dalam perusahaan besar. Kesemua informan pula mewakili jenis perusahaan yang seimbang iaitu lima daripada sektor perkilangan/pembuatan dan lima daripada sektor perkhidmatan. Manakala dari segi pekerja, dua informan (usahawan mikro) mempunyai lima orang pekerja, empat informan mempunyai antara 20-50 orang pekerja, dua informan mempunyai antara 51-70 pekerja dan dua informan mempunyai antara 200-250 orang pekerja. Ringkasan profil informan dapat dilihat pada Jadual 1.



Rajah 1: Ciri-ciri Spiritualiti Usahawan Berjaya

Ciri-ciri Spiritualiti Usahawan Berjaya

Berdasarkan temubual mendalam dan analisis tema yang dilakukan, hasil kajian menunjukkan terdapat lima tema utama berkaitan ciri-ciri spiritualiti dalam kalangan usahawan berjaya iaitu Yakin Kuasa Allah, Tawakkal, Akhlak, Amalan dan Qana'ah. Setiap tema utama ini mempunyai beberapa sub-tema yang menjelaskan lagi kedudukan dan peranan ciri-ciri spiritual ini dari perspektif informan.

Keyakinan kuasa Allah mempunyai dua sub-tema iaitu percaya bahawa kurniaan rezeki adalah daripadanya semata-mata, dan ini membawa kepada pentingnya hubungan dalam konteks hamba dengan Tuhannya. Konsep tawakkal digambarkan melalui dua sub-tema iaitu berusaha dengan sedaya upaya dan kemudiannya berserah kepada ketentuan Allah SWT. Akhlak pula merujuk kepada tiga sub-tema iaitu menyempurnakan amanah khususnya dalam skop usahawan, kejujuran dan keikhlasan dalam menjalankan urus niaga serta menjauhi segala bentuk perkara yang dilarang oleh agama.

Sementara itu, tema amalan dalam skop fardu ain dan kifayah merujuk beberapa sub-tema iaitu niat yang betul menjalankan perniagaan, doa dan solat yang mencerminkan hubungan dengan Allah SWT, mengeluarkan zakat dan bersedekah serta menyempurnakan tanggungjawab sosial atau perkara kebajikan. Tema terakhir iaitu qana'ah mempunyai dua sub-tema iaitu bersyukur atau mencukupi dengan apa yang diperolehi dan reda terhadap ketentuan Ilahi dengan kesabaran. Rajah 1 menunjukkan kedudukan tema dan sub-tema tersebut sebagai ciri-ciri spiritualiti usahawan berjaya.

Kepentingan Ciri-ciri Spiritualiti Terhadap Pencapaian Usahawan

Tema ciri-ciri spiritual seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 secara umumnya mempengaruhi aspek motivasi (kesedaran spiritual) dan pencapaian (akhlak, amalan) yang membantu kepada pencapaian dan kejayaan informan dalam perniagaan. Berikut adalah antara ringkasan dapatan kajian yang merujuk kepada kedua-dua aspek tersebut.

Motivasi

Informan mempunyai keyakinan tinggi bahawa rezeki adalah kurniaan daripada Allah SWT yang mewujudkan suatu ikatan erat dalam konteks antara hamba dengan Pencipta. Ia menjadi asas penting dalam membentuk sikap dan motivasi usahawan kerana informan memahami segala anugerah dan ketetapanNya setelah berusaha sedaya mungkin. Keyakinan berasaskan keimanan ini dilihat membantu dari sudut psikologi untuk mereka menghadapi pelbagai cabaran dan masalah dalam dunia perniagaan sepertimana digambarkan melalui kenyataan di bawah;

"Masalah tu sentiasa ada, kadang-kadang tu buat tak tahu je. Macam persaingan tu rezeki masing-masing la. Tuhan dah letak rezeki kita, rezeki dia. Yang penting kita usaha" (In1)

"Rezeki milik Allah SWT belaka. Rezeki masing-masing. Sebab apabila Allah nak bagi seseorang tu, tak ada manusia tak ada kuasa boleh halang, bila Allah nak tarik pun tak ada kuasa boleh halang, saya pegang macam tu je" (In9)

Keyakinan ini membina kekuatan dan motivasi kepada informan berpandukan konsep tawakkal yang bukan sahaja dari segi berusaha dan berserah kepada Allah SWT, malah ia turut mendokong ciri-ciri berdikari dan etika informan dalam perniagaan. Sebagai contoh, perkara ini boleh dilihat pada kenyataan In5 di bawah;

"...cuma dari segi saya tawakkal (berserah), itu mungkin lah kita lebih. Tawakkal tu yang mustahak sekali kalau berniaga ni. Kalau berniaga asyik nak guna orang dalam, orang lain tolong kira, rasuah ke apa tak usah la, bergantung kepada orang. Kita kalau boleh boleh, kalau tak boleh tak boleh la. Kita masuk tender ke apa, tak dapat terima je lah, ada la tu nanti.." (In5)

Sikap yang lahir dari kesedaran spiritual ini juga penting menjadikan informan tabah dan cekal. Mereka redha dengan apa jua dugaan atau jatuh bangun dalam dunia perniagaan dan tidak mudah berputus asa. Hasilnya mereka dapat melalui segala kepayahan dan memperoleh kejayaan. Pengalaman yang dilalui oleh In4 menceritakan hal ini;

"... saya waktu tu dah kosong, semua bermasalah, ditipu, semua rakan kongsi bermasalah. Tapi saya dapat bangkit balik dan alhamdulillah daripada satu kilang saya dah ada dua kilang. Ini dengan keberkatan Tuhan bagi rezeki sebab kita redha apa yang Tuhan bagi, kita ni kena tawakkal, kita tak boleh nak kata keburukan yang kita dapat tu. Macam saya katakan tadi kita kena redha dengan Tuhan. Dan selepas tu, Tuhan bagi kepada saya lebih banyak sebenarnya, lebih banyak dari rezeki saya dahulu, sekarang ni lebih banyak" (In4)

Motivasi hasil daripada kesedaran spiritual ini penting dalam membentuk sikap usahawan cemerlang berasaskan kepercayaan, malah turut mempengaruhi pencapaian melalui penghayatan mereka tentang akhlak dan amalan untuk berjaya, apatah lagi dalam konteks usahawan Muslim. Respon In5 menggambarkan situasi ini;

"Mula-mula sekali suis kita dengan Allah, tekan suis tu dulu, lepas tu Dia tunjuk la jalan kat kita. Sebab pengalaman saya bila ada masalah ke, ada penyelesaian dia. Penting sekali itu lah, ilmu dalam bisnes memang penting, tapi kalau awak commit dengan Allah, Dia akan bantu. Itu je formula" (In5)

Pencapaian

Informan kajian membuktikan bahawa akhlak dan amalan dalam konteks usahawan Muslim penting terhadap kelangsungan serta perkembangan perniagaan yang mereka jalankan. Akhlak yang berasaskan kepada kesedaran spiritual menyuluh kepada nilai keberkatan dalam menjalankan perniagaan. Aspek kejujuran dan keikhlasan sebagai contoh, dapat mengawal standard kualiti produk, etika peniaga dan juga reputasi syarikat di mata pelanggan. In2 dan In6 menyebut;

"..apa-apa pun kena jujur, baru berkat. Timbangan tu kalau nak curi sikit orang tak tau kan? Tapi tak boleh. Kebersihan buat kerja, dia begini, macam mana kita buat untuk kita makan, macam tu la kita buat untuk orang (untuk jual)" (In2)

"Letak harga biar munasabah tidak membebankan sangat, tak tipu orang, kejujuran kita dengan customer, barang tu ok atau boleh pakai lagi ke, contoh. Boleh pakai pakai, kalau betul rosak baru kita tukar. Walaupun dari segi nak untung kita kata boleh, tapi tipu la. Makan duit tipu ni faham sendiri la kan. Bila begitu orang dengan sendiri akan menilai kita. Kita boleh cakap, kempen macam mana pun, boleh tipu, dia akan tukar, tapi adakah duit kita dapat tu betul?" (In6)

Selain itu, dalam skop akhlak ini kajian mendapati aspek amanah yang dihayati oleh informan menjadikan perniagaan mereka berdaya maju dan turut membantu dalam aspek pengurusan kewangan yang cekap dan bertanggungjawab. Sebagaimana contoh, perkara ini digambarkan oleh In8 melalui kenyataan di bawah;

"Nak berjaya, saya pesan kat anak-anak, tolong jaga amanah. Amanah ni maksud saya rekod kita, janji kita dengan orang. Kalau barang kena siap seminggu, seminggu mesti siap...sama jugak dengan bank, rekod u dengan bank, jaga payment. Hak orang kena selesai, amanah ni nombor satu. Dia merangkumi semua, hutang dengan orang, kita berurusan dengan orang.." (In8)

Kenyataan In8 di atas dan majoriti informan yang lain menunjukkan kepentingan amanah yang turut membantu kepada aspek pengurusan perniagaan lebih cekap dan bertanggungjawab. Selain itu, informan juga komited dan berpegang kepada prinsip untuk tidak terlibat dengan unsur yang dilarang oleh syarak sekalipun ia dapat meningkatkan jualan syarikat. Walaupun begitu, tindakan In7 tidak menjejaskan jualan syarikat malah perniagaan beliau terus berkembang maju dan kukuh.

"Salah satu sebab kita tak tumpu agensi tertentu sebabnya mereka minta duit kopi. Biasa kalau dia mari macam tu kita tak buat...sebab itu kita tak dapat banyak bisnes daripada mereka ni"

"...saya percaya macam ni, kalau kita jauh daripada maksiat, jauh daripada benda-benda haram, InsyaAllah murah rezeki, saya percaya begitu..." (In7).

Kajian ini juga mendapati kepentingan dan signifikannya amalan fardhu ain dan fardhu kifayah dalam kalangan informan. Mereka mengambil berat soal hubungan dengan Allah SWT melalui amal ibadat yang menjadi tanggungjawab sebagai usahawan Muslim. Kenyataan In1, In9 dan In10 di bawah antara contoh berkaitan hal ini;

"Kena usaha, jangan serah bulat-bulat, kita ikhtiar dan doa. Solat jangan tinggal, minta doa hari-hari, tak sempat buat waktu siang buat waktu malam." (In1)

"...kita orang Islam berniaga, solat Dhuha jangan tinggal lah. Dhuha tu murah rezeki, kalau kita ada kesempitan ke dia jadi lapang, saya pegang itu lah, dia beri kekuatan kepada kita" (In9)

"Bila Tuhan tunjuk begitu saya baru nampak apa itu rezeki sebenarnya. Jadi lepas tu alhamdulillah, solat

tidak tinggal, dan rasa hidup tu berkat..” (In10)

Sementara itu, antara amalan yang sinonim dengan informan ialah zakat dan sedekah. Apa yang kajian ini perolehi selain kewajipan berzakat, amalan bersedekah menjadi suatu kemestian kepada informan mengikut kemampuan dan pendekatan masing-masing. Dalam hal ini, informan menyedari peranan zakat dan sedekah dalam menyubur dan memberi keberkatan kepada perniagaan mereka seperti mana diungkapkan oleh In5;

”Sedekah ni, lagi kurang bisnes lagi banyak sebenarnya saya bersedekah, alhamdulillah rezeki datang. Bila kurang bisnes, kita banyakkkan sedekah rezeki dia bertambah. Dia macam tu. Kena yakin lah. Memang sedekah ni saya tak pernah miss..” (In5)

Malah ia turut menjadi suatu inspirasi atau kayu ukur untuk informan terus berusaha memajukan perniagaan mereka ke tahap yang lebih baik. In4 sebagai contoh menceritakan hal ini;

“saya hari-hari niat, minta dengan Tuhan, bagi rezeki banyak, saya nak bantu fakir miskin, anak yatim.. cita-cita nak buat masjid, dah ada sumbangan sedekah tapi kalau boleh nak yang nampak, bukan nak menunjuk tidak, tapi sekurang-kurangnya rasa puas hati berniaga 19 tahun ni. Dah ada tapi tak memadai lagi buat saya...” (In4)

Justeru, kajian ini melihat keseimbangan pencapaian perniagaan dengan amalan kebajikan yang dilakukan oleh informan mencari keberkatan dalam perniagaan dan memenuhi tanggungjawab kepada masyarakat. Perkara ini dikongsi oleh informan antaranya melalui kenyataan In10 dan In3 di bawah;


“Saya ada ambil budak tahfiz, biaya sampai habis belajar. Orang susah ada jugak saya bantu tiap-tiap bulan. Duit ni tak boleh duduk dengan kita saja. Bila kita beri, Tuhan balas balik, banyak berlaku begitu. Susah nak cakap tapi banyak saya dah alami” (In10)

“Ini memang antara kepuasan saya sebab benda ni kalau kita tak sampaikan kepada orang lain, Tuhan tak bagi kita yang baru. Ilmu ni kita kena sampaikan macam dakwah tabligh punya prinsip lah. Kita bagi pada orang lain apa kita ada, Tuhan bagi yang baru untuk kita. Kadang-kadang orang fikir kita melahirkan competitor, tapi sebenarnya bukan begitu” (In3)

Berdasarkan dapatan dan perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa aspek spiritual mempunyai peranan penting terhadap kejayaan usahawan Muslim. Informan kajian yang mewakili usahawan berjaya pelbagai tahap dan sektor perusahaan menunjukkan mereka mempunyai kekuatan dalam aspek spiritual yang bukan sahaja membentuk kerangka akhlak usahawan tetapi juga kecemerlangan dalam aspek perniagaan.

Spiritual Dalam Menangani Cabaran dan Masalah

Kajian ini mendapati lima cabaran atau masalah utama usahawan iaitu pembiayaan, pemasaran, persaingan, penipuan/saat kejatuhan dan juga etika/khurafat. Rajah 2 di atas menunjukkan peranan ciri-ciri spiritual seperti yakin rezeki dari Allah, tawakkal, reda dan jauhi larangan berperanan penting dalam dimensi tertentu yang membantu usahawan berjaya untuk menghadapi dan menangani segala cabaran dan permasalahan. Dalam konteks ini juga kajian mendapati hubungan (spiritual) erat antara usahawan dengan Allah SWT seperti yang dimanifestasikan dalam bentuk solat, doa dan seumpamanya menjadi sumber kekuatan dan inspirasi untuk mereka berjaya menempuh apa jua rintangan dalam dunia perusahaannya yang dijalankan.



Rajah 2: Cabaran dan Masalah Usahawan


Spiritual dalam Amalan Rutin Keusahawanan

Kajian ini mendapati tujuh perkara yang merupakan amalan rutin usahawan berjaya dalam kegiatan keusahawanan mereka iaitu kualiti produk/perkhidmatan, kewangan/bayaran, hubungan dengan staf, penglibatan keluarga, tuntutan agama, fokus dan kebajikan. Rajah 3 di atas menunjukkan ciri-ciri spiritual turut berperanan dalam mencorakkan kegiatan keusahawanan sehingga mereka berjaya dalam perusahaan masing-masing. Dalam konteks ini kajian turut mendapati keberkatan juga menjadi unsur penting yang ditekankan oleh usahawan dalam setiap aktiviti keusahawanan yang dijalankan kerana yakin bahawa ia menjadi punca kejayaan dan matlamat penting yang ingin dicapai.

Kesimpulan

Spiritualiti atau kerohanian memainkan peranan penting terhadap motivasi dan pencapaian usahawan Muslim. Bentuk ciri-ciri spiritual usahawan berjaya mempunyai persamaan meskipun berbeza dari sudut kategori perusahaan. Spiritualiti dalam konteks kajian ini yang berkait rapat dengan unsur dalaman berasaskan keimanan kepada Allah SWT telah membentuk sikap positif dan turut mempengaruhi tindakan usahawan dalam aktiviti keusahawanan. Tema dan sub-tema berkaitan ciri-ciri spiritualiti ini mempengaruhi motivasi usahawan dalam membina keyakinan dan ketahanan diri, berpegang kepada prinsip akhlak dan turut membantu kepada aspek pengurusan yang lebih cekap dan bertanggungjawab. Kajian juga mendapati aspek spiritual amat penting kepada usahawan untuk menghadapi cabaran serta masalah dalam perniagaan melalui hubungannya dengan Allah SWT. Begitu juga dengan elemen keberkatan

sebagai tunjang dalam setiap amalan rutin mereka dalam kegiatan keusahawanan sehingga membawa kepada kejayaan dalam perusahaan yang diceburi.



Rajah 3: Amalan Rutin Keusahawanan

Rujukan

- Ab. Aziz Yusof. (2010). Pengenalan Kepada Keusahawanan Islam. Kuala Lumpur. Scholarmind Publishing.
- Abī Isā, Muhammad bin Isā bin Sūrah. Al-Jami' al-Sahih wa Huwa Sunan al-Tirmidzi. (1999). Kitāb al-Buyū', Bāb Mā Jā'a fi al-Tujjār wa Tasmiyah al-Nabi. Juz.3. Kaherah. Dār al-Hadīth.
- Ahmad, S. (2011). Introjecting Core Islamic Values For Raising The Employee's Behaviour dalam Ahmed, K., Islam, R. & Ismail, Y. (Eds) Issues in Islamic Management. IIUP Press.
- Al-Harran, Saad. (2004). For Today's Social Ills Islam Is The Solution. Kuala Lumpur. A.S. Noordeen.
- Al-Suyūti, Abd. Al-Rahman bin Bakr. (2000). Jam' al-Jawāmi'; al-Jami' al-Kabīr fi al-Hadīth wa al-Jami' al-Saghīr wa Zawa'idhuhu. Jil.1. Beirut. Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Tabarī, Abī Ja'far Muhammad Jarīr. (2001). Tafsīr al-Tabarī. Jil.21. Beirut. Dār Ihyā' al-Turāth al-Arabi
- Al-Qaradāwī, Yusuf (2001), Dawr al-Qiyām wa-al-Akhlāq fi al-Iqtisād al-Islāmi, Kaherah. Maktabah Wahbah.
- Ali, A.J. (2005). Islamic Perspective On Management And Organization. Edward Elgar Publishing Limited.
- Beekun, Rafik Issa. (1997). Business Ethics In Islam. Kuala Lumpur. Herndon Va. IIUM.
- Che Zarrina Saari & Solahuddin Abdul Hamid. (2011). Reconstructing Entrepreneur's Development Based on al- Quran and al-Hadith. International Journal of Business and Social Science, 2(19), October 2011: 110- 116.
- Fornaciari, C.J. & Lund Dean, K. (2004). Diapers To Car Keys; The State of Spirituality, Religion and Work Research. Journal of Management, Spirituality & Religion, 1(12), 7-33.

- Fry, L.W. (2003). Toward A Theory of Spiritual Leadership. *The Leadership Quarterly*, 14, 693-727.
- Hamka. (1987). *Tafsir Al-Azhar*. Juz.28. Singapura. Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Hawwā, S. (2004). *Tarbiyatuna al-Rūhiyah*. Kaherah. Dār al-Salām.
- Ibnu Kathīr (2006). *Tafsir Ibnu Kathīr*. Beirut. Jil.8. Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ilhaamie Abdul Ghani Azmi & Yazilawati Yaacob. (2012). Entrepreneur's Personality From Islamic Perspective; A Study of Successful Muslim Entrepreneurs in Malaysia. Kertas Kerja dibentangkan di International Conference On Economic Business Research. Phnom Penh. Disember 2012.
- Jabnoun, Naceur. (1994). *Islam and Management*. Kuala Lumpur. Institut Kajian Dasar.
- Jackson, J.J. & Konz, G.N.P. (2006). Spirituality and Entrepreneurship. *Journal of Management, Spirituality and Religion*. 3 (3), 242-57.
- Kale, S.H. & Shrivastava, S. (2003). The Enneagram System For Enhancing Workplace Spirituality. *Journal of Management Development*. 22(4), 308-328.
- Kamil, N.M, Al-Kahtani, A.H. & Sulaiman, M. (2011). The Components of Spirituality in The Business Organizational Context; The Case of Malaysia. *Asian Journal of Business and Management Sciences*. 1(2), 166-180.
- Kamus Dewan. (2010). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalīq, A. (2011). Leadership Motivation From The Islamic Perspective, in Ahmad, K, Islam, R. & Ismail, Y (Eds.) *Issues In Islamic Management*. IIUP Press. 252-266.
- Kvale, S. (1996). *Interviews; An Introduction to Qualitative Research Interviewing*. Thousand Oaks. CA; Sage.
- Muhammad Syukri Salleh (1999), *Usahawan Islam; Erti & Strategi*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Usahawan Islam. USM. 5 Oktober 1999.
- Mohsen, N.R.M. (2007). *Leadership From the Quran, Operationalization of Concepts and Empirical Analysis; Relationship Between Taqwa, Trust and Business Leadership Effectiveness*. Tesis Ph.D, Universiti Sains Malaysia
- Nasr, S.H. (1987). *Islamic Spirituality*. London. Routledge & Kegan Paul.
- Qutb, Sayyid. (2000). *Fī Zilāl al-Qurān*. Jil.9, Terj. Yusoff Zaki Yacob. Kota Bharu. Pustaka Aman Press.
- Saroglou, V. & Garcia A.M. (2008). Individual Differences In Religion and Spirituality; An Issue of Personality Traits and Values. *Journal For The Scientific Study of Religion*. Vol.47. Issue 1. Pg 83-101. Singapore. John Wiley & Sons.
- Zulkarnain Kedah & Isa Mohammed Adamu. (2011). *Spirituality in Entrepreneurship from Islamic Perspective dalam Spirituality In Management From Islamic Perspective*. AAhad M. Osman & Suhaimi Mohd Sarif. Selangor. IIUM Press.